

TIP PINJAM WANG

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bharian.com.my

Dl negara kita, ada pelbagai institusi yang menyediakan kemudahan pinjaman. Ada pemberi pinjaman utama seperti institusi kewangan berlesen, koperasi dan peminjam wang berlesen.

Institusi kewangan berlesen merangkumi bank perdagangan yang dilesenkan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyediakan kemudahan kredit kepada orang ramai.

Anda dinasihatkan supaya mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan berlesen kerana ada undang-undang dan peraturan yang melindungi hak anda sebagai peminjam.

Pastikan sumber berlesen, elak hutang along

Koperasi pula dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Peminjam wang berlesen pula dilesenkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menawarkan pinjaman kepada orang ramai.

Peminjam wang tidak berlesen pula beroperasi secara

haram dan mereka dikenali sebagai 'lintah darat' atau along. Mereka menawarkan pinjaman tanpa cagaran pada kadar faedah yang sangat tinggi dengan terma dan syarat yang ketat dan tidak jelas.

Mereka juga sering menggunakan ancaman dan kekerasan terhadap peminjam yang tidak dapat membayar balik pinjaman. Anda dinasihatkan tidak meminjam daripada peminjam wang tidak berlesen.



ANDA menghadapi masalah kewangan dan ingin mendapatkan nasihat AKPK melalui kolum Bajet Bijak? Sila hantar kemusykilan anda melalui e-mel ke alamat bminggu@bharian.com.my untuk diteliti dan dianalisa kaunselor AKPK. Ulasan AKPK serta soalan anda akan disiarkan di kolum Bajet Bijak.

INFO

Jenis pinjaman

1) Pinjaman bercagar

■ Memerlukan aset sebagai cagaran dan lazimnya pinjaman bercagar mudah diperoleh.

■ Jika pembayaran balik gagal dilakukan, institusi kewangan berhak merampas dan menjual aset anda untuk mendapatkan kembali wang pinjaman mereka.

■ Contoh pinjaman bercagar adalah pinjaman perumahan dan pinjaman kereta.

Pinjaman tidak bercagar

■ Tidak perlukan aset sebagai cagaran.

■ Bergantung kepada kemampuan bayar balik pinjaman dan sejarah kredit anda.

■ Jumlah pinjaman biasanya lebih rendah dengan tempoh pembayaran yang lebih pendek. Biasanya kadar faedah yang dikenakan adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar pinjaman bercagar.

■ Untuk mengurangkan risiko, institusi kewangan kadangkala memerlukan penjamin.

■ Contoh pinjaman tidak bercagar adalah hutang kad kredit dan pinjaman peribadi.

